

# Lepasan STPM dipelawa lanjutkan pengajian di UMSKAL

LABUAN: Keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) tahun 2013 yang diumumkan baru-baru ini telah memperlihatkan peningkatan yang amat memberangsangkan dalam pencapaian para pelajar di setiap negeri yang mengambil peperiksaan tersebut.

Di Wilayah Persekutuan Labuan, keputusan STPM 2013 juga telah menunjukkan peningkatan 10.73 peratus dengan 96.64 peratus pelajar lulus penuh berbanding 85.71 peratus pada tahun sebelumnya.

Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Ismail Ali (gambar) ber�ata sebagai menghargai usaha murni para pelajar di Labuan, UMSKAL yang merupakan satu-satu Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Labuan amat meng-

alu-alukan mereka untuk melanjutkan pengajian mereka di universiti tersebut.

Katanya, terdapat dua fakulti yang ditawarkan di UMSKAL iaitu Fakulti Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan Fakulti Komputeran dan Informatik yang menawarkan pelbagai program dan bersesuaian dengan landskap ekonomi di Labuan.

Menurut Ismail lagi, UMS di bawah kepimpinan Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah (gambar) selaku Naib Canselor UMS sentiasa memberi perhatian utama kepada pembangunan pendidikan tinggi anak-anak Labuan selaras dengan hasrat Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli yang mahu melihat anak-anak di Labuan berjaya dalam bidang pendidikan.

Oleh yang demikian, Ismail amat mengalu-alukan para pelajar lepasan STPM 2013 di Labuan yang berminal dalam pengajian berteraskan perniagaan, kewangan dan sains informatik untuk menjadikan UMSKAL sebagai pilihan utama dan sekaligus memanfaatkan keberadaan UMSKAL sebagai salah satu IPTA di negara ini.

Ismail bagi pihak Naib Canselor dan seluruh warga UMS juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Labuan yang diterajui Pengaruhnya, Mistirine Radin dan warga pendidik di Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersungguh-sungguh membimbing pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan mencatatkan yang cemerlang dalam STPM 2013.

“ Warga UMS turut berasa bangga dengan pencapaian cemerlang pelajar Labuan dalam peperiksaan STPM 2013. Kami sangat mengalu-alukan pelajar tersebut untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi di UMSKAL,” katanya.

Fakulti Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan menawarkan lima program iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam.

Manakala Fakulti Komputeran dan Informatik menawarkan dua program iaitu E-Dagang dan Teknologi Multimedia.-OLEH JAINUDIN DJIMIN ([jainudin@newsabah-times.com.my](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my))

